



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Bahagian Perkastaman,
Cawangan Zon Bebas,
Aras 1, Wisma Kastam Selangor,
No. 1, Jalan Perigi Nenas 7/1,
KS II, Taman Perindustrian Pulau Indah,
Peti Surat 16, 42907 Pelabuhan Klang,
Selangor, Malaysia



Telefon : +603 3169 3677
Faksimili : +603 3101 3105
Laman Web : www.customs.gov.my

Rujukan Kami : KE.BB (99.01) 769/06-1 Klt.13 (23)
Tarikh : 28 Zulkaedah 1438H
21 Ogos 2017

Pengurus Kanan (Zon Bebas)

Lembaga Pelabuhan Klang

Beg Berkunci 202

Jalan Pelabuhan Utara

42005 Pelabuhan Klang

Selangor

(u.p: **Encik Ahmad Rizal bin Mohd Yusop**)

Faks : 03- 3165 0542

Pengurus (Jabatan Zon Bebas)

Port Klang Free Zone (M) Sdn Bhd

Pelabuhan Klang

42009 Selangor

(u.p: **Encik Mohamed Faisal bin Othman**)

Faks : 03-3101 4489

Tuan,

LESEN IMPORT ROKOK DAN MINUMAN KERAS (RMK) DI BAWAH PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT) 2017

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Pengimportan rokok dan minuman keras (RMK) adalah dilarang kecuali mengikut cara yang diperuntukkan. Berdasarkan butiran 66 dan 67 Bahagian I Jadual Ketiga Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017, pengimportan RMK adalah tertakluk kepada lesen import yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam.

3. Dimaklumkan bahawa, lesen import RMK iaitu Borang Kastam no.12 (BK12) diluluskan bersama Lampiran E1 untuk minuman keras dan Lampiran E2 untuk rokok yang mencatatkan nama pembekal dan jenama dagangan yang akan diimport.

4. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama Pihak Berkuasa Zon yang meluluskan aktiviti transshipment mengambil langkah-langkah berikut semasa meluluskan borang ZB transshipment bagi dagangan RMK :

4.1 BK12 masih dalam tempoh sah laku.

4.2 Salinan diakui sah hendaklah diperolehi dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) atas BK12 yang dikemukakan dalam bentuk salinan.

BERKHIDMAT MENYEJAHTERAKAN RAKYAT

Rujukan Kami : KE.BB (99.01) 769/06-1 Klt.13 ()
Tarikh : 28 Zulkaedah 1438H
21 Ogos 2017

- 4.3 Hanya dagangan dan pembekal yang diluluskan dalam Lampiran E1 dan E2 sahaja boleh diluluskan untuk aktiviti transshipment.
 - 4.4 Diskripsi dagangan hendaklah diikrar selaras dengan diskripsi yang diluluskan dalam Lampiran E1 dan E2.
 - 4.5 Pembekal dan jenama dagangan yang tidak tersenarai dalam BK12 tidak boleh diluluskan.
 - 4.6 RMK tertakluk kepada Perintah Kastam Larangan Import dan syarat-syarat berkaitan. Sekiranya tidak dipatuhi, dagangan RMK boleh dirampas berserta tindakan mahkamah sebagaimana terkandung dalam Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990 berkaitan.
5. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(JENAB BINTI SURIF)

Ketua Cawangan Zon Bebas,
b.p.: Pengarah Kastam Negeri,
Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Selangor

s.k.:

- i. Pengarah Kastam Negeri, JKDM Selangor
- ii. Ketua Bahagian Perkastaman, JKDM Selangor
- iii. Ketua Unit Zon Bebas Pelabuhan Barat, JKDM Selangor
- iv. Ketua Unit Zon Bebas Pelabuhan Utara, JKDM Selangor
- v. Westports (M) Sdn Bhd
(u.p: En. Muhamad Azizul bin Zahidin)
- vi. Northport Malaysia Berhad
(u.p: En. Mohamad Ali bin Abdul Hussain)

BERKHIDMAT MENYEJAHTERAKAN RAKYAT
